



**PERBADANAN KETUA MENTERI
PULAU PINANG**

DOKUMEN SEBUTHARGA

NO. SEBUTHARGA: Bil. CMI / 1 / 2015

TAJUK:

**PENYEWAAN TANAH HAK MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI
PULAU PINANG BAGI PT 6562, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA
UNTUK TUJUAN PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA**

TARIKH TUTUP:

23 JUN 2015 (SELASA)

URUSETIA:

**UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI
PULAU PINANG
PARAS 47, KOMTAR
10503 PULAU PINANG**



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Senarai Kandungan	2
2.	Kenyataan Tawaran Sebutharga	3 - 4
3.	Senarai Semak	5
4.	Arahan Kepada Penyebutharga	6 - 8
5.	LAMPIRAN Q : Jadual Tawaran Sebutharga	9 -10
6.	LAMPIRAN A : Syarat-Syarat Am Sebutharga	11-14
7.	LAMPIRAN B : Syarat-Syarat Khas Sebutharga	15 -16
8.	LAMPIRAN C : Pengesahan Penyebutharga	17
9.	LAMPIRAN D : Spesifikasi Perkhidmatan	18
10.	LAMPIRAN E : Pelan Tapak	19
11.	LAMPIRAN F : Latar Belakang Penyebutharga	20- 22
12.	LAMPIRAN G : Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat	23 - 24
13.	LAMPIRAN H1 : Surat Akuan Pembida	25
14.	LAMPIRAN H2 : Surat Akuan Pembida Berjaya	26
15.	LAMPIRAN I : Dokumen Sokongan Wajib	27



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan / perkhidmatan / kerja di bawah kod bidang **221510 : Tempat Letak Kereta** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebutharga berikut:

No. Sebutharga	:	Bil. CMI / 1 / 2015
Tajuk Sebutharga	:	Penyewaan Di Atas Tanah Hak Milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Pengurusan Tempat Letak Kereta
Tarikh Dibuka	:	9 Jun 2015 (Selasa)
Tarikh Tutup	:	23 Jun 2015 (Selasa)

2. Syarikat yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh	:	17 Jun 2015 (Rabu)
Masa	:	9.30 pagi
Tempat	:	PT 6562 , Mukim 12, Daerah Barat Daya (Berhadapan Pusat Perniagaan Krystal Point)

3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan sistem ePerolehan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan sistem ePerolehan boleh mendapatkan borang sebutharga melalui laman web ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://ep.penang.gov.my/> dan borang hanya boleh di muat turun dari sistem e-Perolehan setelah menghadiri sesi **taklimat dan lawatan tapak**.

4. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profil syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan tajuk sebutharga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebutharga tersebut mestilah sampai **pada atau**



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

sebelum jam 12.00 tengahari pada 23 Jun 2015 (Selasa) dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga Bil. CMI / 1 / 2015 di Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang, Paras 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran sebutharga di atas adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga terbabit. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. CMI berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Pengurus Besar
Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

SENARAI SEMAK

- | | |
|---|--------------------------|
| 1. LAMPIRAN Q | <input type="checkbox"/> |
| 2. SALINAN SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM) | <input type="checkbox"/> |
| 3. SALINAN SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BERSERTA MAKLUMAT KOD BIDANG BERKAITAN YANG MASIH SAH LAKU | <input type="checkbox"/> |
| 4. RINGKASAN PROFAIL SYARIKAT | <input type="checkbox"/> |
| 5. PENYATA BANK TERKINI (MAC, APRIL & MEI 2015) | <input type="checkbox"/> |
| 6. PENGESAHAN PENYEBUTHARGA (LAMPIRAN C) | <input type="checkbox"/> |
| 6. SPESIFIKASI PERKHIDMATAN (LAMPIRAN D) | <input type="checkbox"/> |
| 7. LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA (LAMPIRAN F) | <input type="checkbox"/> |
| 8. SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT (LAMPIRAN G) | <input type="checkbox"/> |
| 8. SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN H1) | <input type="checkbox"/> |
| 9. SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA (LAMPIRAN H2) | <input type="checkbox"/> |
| 10. CADANGAN KADAR CAJ / BAYARAN MELETAK KENDERAAN | <input type="checkbox"/> |
| 11. SURAT PERWAKILAN KUASA INDIVIDU YANG MENURUNKAN TANDATANGAN DALAM SEBUTHARGA (JIKA BERKAITAN) | <input type="checkbox"/> |

Tandatangan
Penyebutharga :

Nama :

No. K/P :

Tarikh :

Cop Syarikat ;



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2. PERIHAL SEBUTHARGA

Sebutharga ini untuk Penyewaan Tanah Hak Milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya untuk tujuan Pengurusan Tempat Letak Kereta. Sebutharga ini adalah tertakluk kepada Arahan-arahan Penyebutharga, Syarat-Syarat Am dan Syarat-Syarat Khas Sebutharga.

3. DOKUMEN SEBUTHARGA

3.1 Sebutharga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang dimuat turun dari sistem ePerolehan dan selepas ini dipanggil dokumen sebutharga. Dokumen sebutharga yang lengkap adalah mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Kenyataan Tawaran
- ii. Arahan Kepada Penyebutharga
- iii. Jadual Harga (Lampiran Q)
- iv. Syarat-syarat Am Sebutharga (Lampiran A)
- v. Syarat-syarat Khas Sebutharga (Lampiran B)
- vi. Pengesahan Penyebutharga (Lampiran C)
- vii. Spesifikasi Perkhidmatan (Lampiran D)
- viii. Pelan Tapak (Lampiran E)
- ix. Latarbelakang Penyebutharga (Lampiran F)
- x. Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat (Lampiran G)
- xi. Surat Akuan Pembida (Lampiran H1)
- xii. Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran H2)
- xiii. Dokumen Sokongan Wajib (Lampiran I)

3.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga

- i. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebutharga **Bil. CMI / 1 / 2015** serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam tawaran sebutharga.
- ii. Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Dokumen sebutharga ini boleh dimuat turun secara percuma.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUTHARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebutharga ini hendaklah ditanggung oleh penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUTHARGA

Sebutharga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebutharga menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga.

7. PERINGATAN MENGENAI RASUAH

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah :

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

8. PELAKSANAAN INTEGRITI PACT

- 8.1 Kesemua penyebutharga yang menghantar dokumen sebutharga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Penyebutharga hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebutharga adalah seperti di **Lampiran H1**.
- 8.2 Penyebutharga yang berjaya menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebutharga adalah seperti di **Lampiran H2**.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

9. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUTHARGA

- 9.1 Penyebutharga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebutharga serta menyemak kandungan dokumen sebutharga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang sebutharga. Setiap syarikat yang menyertai hanya boleh mengemukakan satu dokumen sebutharga sahaja.
- 9.2 Borang sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah seboleh-bolehnya ditaip. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca.
- 9.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.
- 9.4 Kerajaan berhak menolak mana-mana sebutharga yang tidak mengemukakan maklumat lengkap, dokumen serta borang yang diperlukan.

10. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 10.1 Semua pembetulan / pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas oleh pemilik syarikat yang diberi kuasa yang menandatangani dokumen sebutharga serta dicopkan dengan cop syarikat. Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dibetulkan / dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.
- 10.2 Semua pindaan ke atas dokumen sebutharga selepas tarikh sebutharga ditutup tidak akan dilayan.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

LAMPIRAN Q

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI PULAU PINANG**

TAJUK:

PENYEWAAN TANAH HAK MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG BAGI PT 6562, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA UNTUK TUJUAN PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini BEKALAN BARANG-BARANG / PERKHIDMATAN	
No. Sebutharga Tender	Bil. CMI / 1 / 2015

Nama Syarikat

Alamat Syarikat

No. Telefon:

No. Pendaftaran Kementerian Kewangan:

.....
Kod Bidang Pendaftaran
bekalan / perkhidmatan ini : 221510

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh :

**UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG
TINGKAT 47, KOMTAR
10503 PULAU PINANG**

No. Telefon : **04-6505709 / 04-6505711**

Tarikh : **9 JUN 2015**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang / perkhidmatan / kerja yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan :

1.1 Syarat-syarat serahan / penyempurnaan :

- i. Tawaran adalah dibuka kepada Syarikat / Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221510: Tempat Letak Kereta**.
- ii. Dokumen sebutharga boleh diperolehi daripada sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di portal <http://ep.penang.gov.my> dengan mengklik butang 'BELI' di portal tersebut dengan **PERCUMA**. Dokumen sebutharga hanya boleh dimuat turun oleh syarikat / kontraktor yang telah berdaftar dengan sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sahaja dan hanya boleh di muat turun dari sistem ePerolehan setelah menghadiri lawatan tapak.
- iii. Dokumen sebutharga yang lengkap dan dokumen sokongan wajib hendaklah dikemukakan dalam permohonan dan merupakan syarat wajib penyertaan.

- 1.2 Tarikh akhir serahan / disempurnakan: **23 Jun 2015 (Selasa)** sebelum jam 12.00 tengahari.

1.3 Arah Pengiriman :

Dokumen sebutharga yang lengkap dengan senarai semak dan dokumen sokongan wajib hendaklah dilakri dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditulis di bahagian atas kirinya dengan no. sebutharga dan tarikh serahan. Sampul surat mengandungi dokumen sebutharga hendaklah **dihantar dengan tangan** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran **Bil. CMI / 1 / 2015** yang terdapat di **Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang, Paras 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Penghantaran melalui pos tidak dibenarkan sama sekali.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas **tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh akhir serahan yang dinyatakan di atas**.

1.5 Tempoh sah laku sebutharga ialah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh: **9 Jun 2015**

Tandatangan : t.t

Nama & Jawatan : **SITI HAJAR ABDUL RAHIM**
Penolong Pengurus CMI

Bil.	Perkara	Kadar Sebulan (RM)	Jangka Masa	Jumlah Keseluruhan 24 Bulan (RM)
1.	PENYEWAAN TANAH HAK MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG BAGI PT 6562, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA UNTUK TUJUAN PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA		24 Bulan	
JUMLAH KESELURUHAN				

Mustahak :

- i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih;
- ii) Sila rujuk Syarat-Syarat Am Sebutharga (**LAMPIRAN A**), Syarat-Syarat Khas Sebutharga (**LAMPIRAN B**) Pengesahan Penyebutharga (**LAMPIRAN C**), Spesifikasi Perkhidmatan (**LAMPIRAN D**), Latar Belakang Penyebutharga (**LAMPIRAN F**), Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat (**LAMPIRAN G**), Surat Akuan Pembida (**LAMPIRAN H1**) dan Surat Akuan Pembida Berjaya (**LAMPIRAN H2**); dan
- iii) Dokumen Sokongan Wajib – Rujuk (**LAMPIRAN I**)

Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang / perkhidmatan / kerja di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas, Syarat-Syarat Am Sebutharga dan Syarat-Syarat Khas Sebutharga serta Skop Perolehan Perkhidmatan yang dilampirkan.

Tandatangan
Penyebutharga :

Nama :

No. K/P :

Alamat Syarikat :

.....

Tarikh : Cop Syarikat :



LAMPIRAN A

SYARAT - SYARAT AM SEBUTHARGA

Penyebutharga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Sebutharga apabila menyertai sebutharga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga yang dikemukakan oleh penyebutharga **ditolak**.

1. KELAYAKAN MEMASUKI SEBUTHARGA

- i. Tawaran hanya dibuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221510: Tempat Letak Kereta**.
- ii. Syarikat-syarikat yang hendak memasuki tawaran sebutharga ini hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (<http://ep.penang.gov.my>)** di bawah kod bidang yang berkaitan seperti mana yang diiklankan. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat, Maklumat Perniagaan, dan Maklumat Pemilik Terkini atau Senarai Ahli Lembaga Pengarah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan juga Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempoh lakunya hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran sebutharga.
- iii. Pelawaan ini adalah terikat kepada syarat-syarat sebutharga yang disertakan bersama-sama dalam dokumen sebutharga.
- iv. Penyebutharga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat tersebut apabila menyertai sebutharga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat akan menyebabkan **sebutharga tidak dipertimbangkan dan terus ditolak**.
- v. Sebutharga hendaklah dibuat di atas **borang-borang asal sebutharga** dan **tidak boleh dibuat di atas borang-borang salinan**. Semua borang-borang berhubung dengan sebutharga hendaklah ditandatangani oleh wakil syarikat yang diberi kuasa oleh syarikat. Mana-mana borang yang tidak bertandatangan dan tiada cop rasmi penyebutharga akan **ditolak daripada pertimbangan**.

2. DOKUMEN SEBUTHARGA

- i. Hanya dokumen sebutharga yang diperolehi menerusi Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sahaja yang akan diterima. Borang-borang lain tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang yang asal.
- ii. Tiap-tiap helaian borang sebutharga yang digunakan hendaklah (termasuk borang tambahan) mestilah ditandatangani di bawah dan setiap borang mestilah diberi nombor muka surat yang bersiri mengikut susunannya.
- iii. Dokumen sebutharga hendaklah diisi dan dilengkapkan **dengan kemas**.
- iv. Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas selari dengan apa-apa perubahan yang dibuat.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

3. HARGA TAWARAN

- i. Harga tawaran adalah termasuk semua kos seperti kos tenaga kerja dan lain-lain yang bersangkutan dengan perkhidmatan penyewaan tanah untuk pengurusan tempat letak kereta.
- ii. Harga-harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah **tetap dan tidak boleh dipinda** selepas sebutharga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku sebutharga. Penyebutharga yang berjaya ditawarkan sebutharga ini dikehendaki mematuhi syarat yang ditetapkan sepanjang masa kontrak ini berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan harga.
- iii. Penyebutharga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebutharga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.
- iv. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) berhak menyemak semula jumlah harga tawaran berdasarkan kadar harga yang ditawarkan oleh Penyebutharga. Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan kepada jumlah harga yang ditawarkan dengan maklumat semakan semula oleh CMI, jumlah harga tawaran yang disemak semula oleh CMI akan digunakan untuk tujuan sebutharga.

4. SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

- i. Kehadiran untuk taklimat adalah **DIWAJIBKAN** bagi semua penyebutharga yang memasuki sebutharga ini. Kehadiran penyebutharga atau wakil akan direkodkan. Kegagalan menghadiri taklimat akan mengakibatkan penyertaan penyebutharga berkenaan ditolak. Tujuan diadakan taklimat adalah bagi membantu penyebutharga mendapat gambaran sebenar keluasan / kedudukan tapak yang ditawarkan. Ini akan membantu penyebutharga dalam menentukan kadar harga tawaran yang sepatutnya.

- ii. Tarikh sesi taklimat dan lawatan tapak akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : **17 Jun 2015 (Rabu)**

Masa : **9.30 pagi**

Tempat : **PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
(Berhadapan Pusat Perniagaan Krystal Point)**

5. TARIKH TUTUP SEBUTHARGA DAN PENYERAHAN SEBUTHARGA

- i. Tarikh tutup sebutharga adalah pada **23 Jun 2015 (Selasa)**. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
- ii. Dokumen sebutharga yang telah lengkap berserta dokumen sokongan wajib hendaklah **dihantar dengan tangan** dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga **Bil. CMI / 1 / 2015 di Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang, Paras 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang** pada atau sebelum jam **12.00 tengahari**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan. Penyerahan dokumen sebutharga secara kiriman pos **tidak akan diterima**.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

6. SETUJU TERIMA SEBUTHARGA

- i. CMI tidak terikat untuk menerima sebutharga yang tertinggi atau mana-mana sebutharga. Keputusan adalah muktamad dan CMI tidak akan melayan sebarang surat-menyerat yang berupa rayuan daripada penyebutharga berhubung sebab-sebab sebutharga mereka tidak berjaya.

7. KONTRAK

Penyebutharga yang berjaya dikehendaki :

- a. Tidak boleh menolak tawaran. Jika menolak, maka nama penyebutharga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan menggantung pendaftaran.
- b. Penyebutharga yang berjaya adalah dikehendaki mengikat satu perjanjian bertulis dengan CMI.
- c. Semua kos pembayaran bagi penyediaan kontrak termasuk kos duti setem adalah ditanggung oleh penyebutharga yang berjaya.
- d. Syarat-syarat dalam sebutharga dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.
- e. Surat Setuju Terima hendaklah disertakan sebagai pengesahan penerimaan tawaran penyewaan tanah / tapak letak kereta tersebut.
- f. Deposit cagaran bersamaan tiga (3) bulan harga sewaan bulanan hendaklah dibayar sebelum memulakan operasi di tanah / tapak berkenaan dan akan dikembalikan kepada penyebutharga selewat-lewatnya enam (6) bulan dari tarikh kontrak tamat dengan CMI.

8. KESALAHAN DAN TINDAKAN TATATERTIB

Sekiranya mana-mana syarikat bersabit dengan kesalahan-kesalahan berikut, maka CMI berhak untuk mengambil tindakan mengikut syarat-syarat tawaran dan tatatertib:

- a. Gagal mematuhi obligasi kontrak;
- b. Pemalsuan maklumat / dokumen;
- c. Lewat menjelaskan bayaran sewa bulanan;
- d. Mempunyai tunggakan bayaran sewa setiap bulan;
- e. Menyewa kecilkan kawasan kepada orang lain;
- f. Gagal mematuhi etika integriti;
- g. Kesalahan jenayah; dan
- h. Tanggungan sivil seperti penghutang penghakiman, bankrap dan *receivership / liquidator*.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

9. TEMPOH PENYEWAAN

Penyewaan diberikan berdasarkan tahun ke tahun (maksimum 2 tahun) iaitu bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam surat setuju terima. Walau bagaimanapun, CIMB adalah berhak menentukan tempoh yang sebenarnya.

10. PENAMATAN PERSETUJUAN

- i. Jika penyebutharga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;
- ii. Jika penyebutharga itu sebagai orang perseorangan atau apabila penyebutharga itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan / atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau jika penyebutharga itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuhan) atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan; dan
- iii. Jika CIMB mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa penyebutharga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan penyebutharga) melakukan perbuatan rasuh. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak untuk mendapatkan balik gantirosak.

11. IKLAN

Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh CIMB terlebih dahulu.



LAMPIRAN B

SYARAT - SYARAT KHAS SEBUTHARGA

- i. Tawaran sebutharga ini adalah untuk penyewaan tanah bagi tujuan pengurusan tempat letak kereta **SAHAJA**. Sebarang aktiviti lain adalah dilarang sama sekali.
- ii. Keluasan tapak yang dibenarkan untuk PT 6562 ialah 3,769.916 meter persegi (40,579 kaki persegi). Kawasan yang terlibat bertanda merah seperti di dalam pelan tapak (Lampiran E).
- iii. Penyebutharga perlu mengemukakan kepada CMI cadangan terperinci bagi kadar caj / bayaran meletak kenderaan yang akan dikenakan kelak.
- iv. Penyebutharga yang berjaya juga diwajibkan untuk melakukan kerja-kerja landskap di kawasan tersebut bagi tujuan pengindahan memandangkan lokasinya terletak berhampiran pusat komersial. Pelan cadangan landskap hendaklah dikemukakan kepada CMI dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan Surat Tawaran. Pelan cadangan ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Landskap Negeri bagi tujuan pertimbangan / persetujuan. Semua kos yang terlibat dengan kerja-kerja landskap ini adalah dibawah tanggungjawab penyebutharga sepenuhnya.
- v. Penyebutharga yang berjaya juga dikehendaki untuk memastikan kawasan tersebut berada dalam keadaan bersih sepanjang masa dan menyelenggara pengindahan kawasan tanah berkenaan untuk memastikan landskap di kawasan tersebut sentiasa kemas, bersih dan teratur.
- vi. Deposit cagaran bersamaan tiga (3) bulan harga sewaan bulanan perlu dijelaskan sebelum memulakan operasi di tanah / tapak berkenaan dan akan dikembalikan kepada penyebutharga selewat-lewatnya enam (6) bulan dari tarikh kontrak tamat dengan CMI.
- vii. Bayaran sewaan bulanan hendaklah dijelaskan tidak lewat daripada 7 haribulan setiap bulan.
- viii. Bayaran deposit cagaran dan sewaan bulanan hendaklah dibuat melalui bank draf / kiriman wang atas nama **Bendahari Negeri Pulau Pinang**. Cek persendirian dan cek syarikat tidak diterima.
- ix. Penyebutharga yang berjaya tidak boleh menyewakan tanah / tapak kepada orang / syarikat lain. Penyebutharga dikehendaki mematuhi apa-apa syarat tambahan yang akan dikenakan dari semasa ke semasa.
- x. Tidak dibenar mendirikan atau membina sebarang struktur di atas tanah / tapak berkenaan tanpa kebenaran CMI.
- xi. CMI adalah bebas daripada apa-apa dakwaan ke atas kehilangan atau kerosakan manapun kereta / kenderaan yang diletak di atas tanah / tapak tersebut. Semua urusan keselamatan di atas penggunaan tanah / tapak tersebut adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga.
- xii. Kerja-kerja penyelenggaraan (yang munasabah dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak) boleh ditambah dari semasa ke semasa. CMI tidak terikat untuk membayar setiap kos kerja tambahan yang dilaksanakan.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

- xiii. Penyebutharga, semasa menjalankan operasi tempat meletak kereta, hendaklah sentiasa mematuhi semua kehendak undang-undang yang sedang berkuatkuasa dan diterima pakai oleh semua agensi Kerajaan yang berkaitan dengan operasi tempat meletak kereta itu.
- xiv. Kelulusan ini diberikan atas dasar tahun ke tahun. Sekiranya terdapat sebarang projek pembangunan Kerajaan atau sebagainya yang melibatkan tapak tersebut maka pentadbiran ini pada bila-bila masa berhak menarik balik kebenaran ini.
- xv. Sekiranya penyebutharga didapati melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, maka pentadbiran ini berhak menarik balik kelulusan ini tanpa sebarang syarat.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

LAMPIRAN C

PENGESAHAN PENYEBUTHARGA

Syarat-syarat sebutharga seperti di LAMPIRAN A dan B telah dibaca dan saya / syarikat ini bersetuju dengan syarat-syarat tersebut.

Setuju Tidak Setuju

i) **LAMPIRAN A : SYARAT-SYARAT AM
SEBUTHARGA**

ii) **LAMPIRAN B : SYARAT-SYARAT KHAS
SEBUTHARGA**

Nota: Sila tandakan ✓ di ruangan berkaitan

.....
Tandatangan & Cop Syarikat

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

LAMPIRAN D

SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

**PENYEWAAN TANAH HAK MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI
PULAU PINANG BAGI PT 6562, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA UNTUK
TUJUAN PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA**

Bil.	Perkara	Kadar Sebulan (RM)	Jangka Masa	Jumlah Keseluruhan 24 Bulan (RM)
1.	LOKASI DAN KELUASAN : <ul style="list-style-type: none">• PT 6562 , Mukim 12, Daerah Barat Daya• Tanah seluas 3,769.916 meter persegi (40,579 kaki persegi)		24 Bulan	
JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE LAMPIRAN Q				

***** Nota Penting :***


1. Penyebutharga perlu mengemukakan kepada CMI cadangan terperinci bagi kadar caj / bayaran meletak kenderaan yang akan dikenakan kelak.
2. Penyebutharga perlu menyatakan tawaran harga dengan mengambil kira keseluruhan kos kerana Jawatankuasa Penganjur berhak mengurang atau menambah kuantiti yang diperlukan seperti di atas bergantung kepada keperluan semasa.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

LAMPIRAN E

PELAN TAPAK





LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA

1. Nama Syarikat : _____
2. Alamat Pejabat : _____
3. No. Telefon (Pejabat) : _____
(Bimbit) : _____
4. No. Faks : _____
5. No. Pendaftaran : _____
 - 5.1 No. Pendaftaran Kementerian Kewangan (sertakan salinan sijil)
 - 5.2 Status Bumiputera / : _____
Bukan Bumiputera (sertakan salinan sijil)
6. Profil Syarikat
(Sila sertakan Profil Syarikat – Jika Ada)
 - a) Syarikat saya/kami adalah syarikat kepunyaan tunggal / syarikat perkongsian ()
 - b) Syarikat Sendirian Berhad / Syarikat Berhad
()
(*sila tanda yang berkenaan)
7. Kedudukan Kewangan : Maklumat kewangan syarikat saya / kami adalah seperti berikut:
 - a) Penyata Bank ()
 - b) Pemberian Overdraf ()
 - c) Pemberian Pinjaman Modal (jika ada) ()
 - d) Lain-lain (sila nyatakan jika ada)Syarikat yang tidak menyertakan sebarang dokumen untuk membuktikan kedudukan kewangan syarikat tidak akan dipertimbangkan.
8. Modal Syarikat : (isi mana yang berkenan sahaja)
 - 8.1 Perseorangan / Perkongsian : RM_____



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

8.2 Sendirian Berhad (Sdn Bhd) / Berhad (Bhd) :

Modal Dibenar : RM _____

Modal Dibayar : RM _____

9. Butir-Butir Pemilikan (*Ownership*)

9.1 Perseorangan :

Nama Pemilik : _____

No.K/P : _____

9.2 Perkongsian:

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	Alamat Syarikat	% Kongsian

(sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

9.3 Sendirian Berhad / Berhad

9.3.1 Pemegang Saham

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	Alamat Syarikat	% Bahagian

(sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

9.3.2 Ahli Lembaga Pengarah

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	Alamat Syarikat	% Bahagian

(sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

10. Pengalaman Syarikat dalam sebutharga perkhidmatan penyewaan tempat letak kereta sahaja (boleh menggunakan kertas tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi) :

10.1 Kerajaan :

Nama Projek	Jabatan / Syarikat	Nilai (RM)	Tarikh / Tempoh / Tahun Kontrak	Nama & No. Telefon Pegawai / Agensi untuk dirujuk

(sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

10.2 Swasta :

Nama Projek	Jabatan / Syarikat	Nilai (RM)	Tarikh / Tempoh / Tahun Kontrak	Nama & No. Telefon Pegawai / Agensi untuk dirujuk

(sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

PERAKUAN

Saya / Kami mengaku bahawa segala maklumat yang dikemukakan di atas adalah benar. Saya / Kami juga menyedari sekiranya didapati maklumat-maklumat yang diberikan ini adalah palsu atau tidak benar, maka Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang boleh mengambil apa-apa tindakan terhadap saya / kami dan syarikat yang saya wakili di bawah apa-apa undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Tandatangan :

Nama Penyebutharga :

Nombor Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Syarikat :



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

LAMPIRAN G

**SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN
DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUTHARGA**

Nama Syarikat :

Alamat Syarikat :

.....

.....

Kepada : Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)
Tingkat 47, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

Tuan,

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Penyebutharga termasuk arahan yang mengkehendaki kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen sebutharga Penyewaan Tanah Hak Milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Pengurusan Tempat Letak Kereta.
2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan perkhidmatan yang dipelawa. Justeru itu, sebutharga kami akan hanya dipertimbangkan untuk diperakuan kepada Jawatankuasa Sebutharga untuk disetujuterima sekiranya kami didapati layak untuk mengambil bahagian dalam sebutharga ini mengikut penilaian tuan berdasarkan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen-dokumen untuk melengkapkan dokumen sebutharga sebelum sebutharga ditutup. Maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk melayakkan kami memasuki sebutharga ini.
4. Kami mengaku bahawa semua maklumat dan data yang kami sertakan bersama-sama dengan borang sebutharga adalah semuanya BENAR DAN SAH pada semua segi. Kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh pihak tuan terhadap kami, sekiranya mana-mana maklumat, data-data atau dokumen yang kami berikan adalah didapati tidak benar atau palsu.
5. Kami mengambil maklum dan sedar bahawa sebutharga kami akan ditolak (*disqualified*) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan mana-mana dokumen yang diperlukan untuk melayakkan kami memasuki sebutharga ini.



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Kerajaan, Jabatan Kerajaan, Bank dan Institusi Kewangan lain, dan lain-lain atau mana-mana firma atau individu yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh pihak tuan untuk menyemak maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Walau bagaimanapun, kami tetap bertanggungjawab di atas semua maklumat dan dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

Yang benar,

.....
(Tandatangan Penyebutharga)

Tarikh :

Nama Penuh :

No.Kad Pengenalan :

Jawatan :



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

LAMPIRAN H1

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**PENYEWAAN TANAH HAK MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG
BAGI PT 6562, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA UNTUK TUJUAN
PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA**

Saya,.....nombor K.P..... yang mewakili.....nombor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- i) penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / sebutharga*di atas; atau
- ii) penamatan kontrak bagi tender / sebutharga* di atas; dan
- iii) lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat:

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

LAMPIRAN H2

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

**PENYEWAAN TANAH HAK MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG
BAGI PT 6562, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA UNTUK TUJUAN PENGURUSAN
TEMPAT LETAK KERETA**

Saya,..... nombor K.P..... yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender / sebutharga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender / sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- i) penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga*di atas; atau
- ii) penamatan kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; dan
- iii) lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender / sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat:

*Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.*



Sebutharga Penyewaan Tanah Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

LAMPIRAN I

DOKUMEN SOKONGAN WAJIB

Dokumen sebutharga mestilah dilampirkan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut :

- i. Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- ii. Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia termasuk maklumat kod bidang yang masih sah laku.
- iii. Profail ringkas mengenai syarikat terutama pengalaman dalam bidang berkaitan.
- iv. Penyata bank terkini bagi 3 bulan (Mac 2015, April 2015 dan Mei 2015).
- v. Cadangan terperinci bagi kadar caj / bayaran meletak kenderaan yang akan dikenakan.
- vi. Surat Perwakilan kuasa bagi individu yang menurunkan tandatangan dalam sebutharga yang ditawarkan (jika berkaitan).